

**NO. SOALAN: 10**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KETIGA BELAS,  
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DR. MOHD HATTA BIN MD. RAMLI  
[KUALA KRAI]**

**TARIKH : 17 OKTOBER 2016 (ISNIN)**

**SOALAN :**

**YB DR. MOHD HATTA BIN MD. RAMLI [KUALA KRAI] minta PERDANA MENTERI menyatakan :-**

- (a) berapa peratuskah kejayaan daripada Program Kebolehpasaran Graduan Skim Latihan 1Malaysia (SL1M) yang dapat mengurangkan kadar pengangguran di Malaysia; dan
- (b) berdasarkan kepada kadar pengangguran tahun 2015 sebanyak 3.15% dan suku tahun kedua 2016 mencatat 3.4%. Apakah usaha-usaha Kerajaan bagi menurunkan kadar peratusan pengangguran ini.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, **Program Skim Latihan 1Malaysia (SL1M)** yang dilaksanakan Kerajaan ini bermatlamat untuk membantu graduan yang sukar mendapat pekerjaan selepas mereka tamat pengajian. Objektif pelaksanaan program ini untuk membantu graduan yang tidak bekerja dengan meningkatkan tahap kebolehpasaran (employability) dan keupayaan graduan mendapatkan pekerjaan yang baik dalam pasaran tenaga kerja berkemahiran dan berkualiti seterusnya meningkatkan taraf hidup keluarga mereka.

Program SL1M ini dijayakan melalui kerjasama dan komitmen daripada Syarikat-syarikat Berkaitan Kerajaan (GLCs) dan syarikat swasta seluruh Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak yang dilaksanakan secara Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR). Sehingga kini, 230 syarikat GLCs dan swasta mengambil bahagian dan melaksanakan program SL1M bagi membuka lebih banyak peluang latihan dan pekerjaan untuk ditawarkan kepada graduan.

Sejak ditubuhkan (Jun 2011) sehingga 30 September 2016, daripada 37,954 graduan yang menyertai program SL1M, seramai 27,454 (72.3%) graduan berjaya mendapat pekerjaan. Manakala 10,500 (27.7%) graduan masih lagi mengikuti program SL1M di syarikat yang terlibat.

Selain itu, SL1M juga turut menganjurkan **Program Outreach SL1M** atau **Search and Assist Program**. Program ini bertujuan untuk membimbing graduan dan meningkatkan *softskill* graduan. Sehingga 30 September 2016 (dari Jun 2011) **seramai 56,949 graduan telah menyertai program ini**.

Tuan Yang di-Pertua,

Antara langkah-langkah dilaksanakan oleh Kerajaan bagi memperluaskan peluang graduan mendapatkan pekerjaan, termasuklah:

- program **SL1M** yang saya nyatakan tadi dan **Skim Pengurusan Kebolehpasaran Graduan (GEMS)** di bawah Talent Corp. Kedua-dua skim ini telah memberi manfaat kepada lebih 10,000 graduan pada 2015 dan akan ditingkatkan kepada 15,000 graduan pada 2016.

- **Program Peneraju Skil Mahir dan Program Peneraju Profesional** oleh Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera;
- Memperluas dan mempertingkatkan lagi penggunaan **Tabung Pembangunan Sumber Manusia (HRDF)** untuk melaksanakan program **latihan semula dan peningkatan kemahiran pekerja** terutama bagi yang diberhentikan oleh majikan yang berdaftar;
- **Program intervensi kebolehpasaran graduan (Graduate Employability; GE)** di bawah Kementerian Pengajian Tinggi; dan
- **Portal Jobs Malaysia** yang dibangunkan oleh Kementerian Sumber Manusia bagi adalah sistem “penjodohan pekerjaan” automatik atas talian yang disediakan oleh Kementerian Sumber Manusia.

Sekian, terima kasih.